

Projek tebatan banjir Sungai Kerian tahun ini

» 155 penduduk
setuju
berpindah
ke penempatan
baharu

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

► Alor Setar

Kerja pembinaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Kerian, Bandar Baharu, dijangka dapat dilaksanakan hujung tahun ini selepas 155 penduduk di kawasan terbabit bersestuju untuk berpindah ke penempatan baharu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata selepas melalui beberapa proses rundingan antara penduduk kampung dan Jabatan Pengairan Saliran (JPS), 155 penduduk itu bakal dipindahkan ke Teluk Gelugoh, Bagan Samak, di kawasan seluas 4.6 hektar.

Peruntukan RM1.2 bilion

“Projek RTB di Sungai Kerian menghadapi masalah apabila penduduk setinggian di situ tidak mahu berpindah namun selepas kita melakukan perbincangan akhirnya mereka akur untuk ditempatkan di kawasan penempatan baharu,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat EXCO, di sini semalam.

RTB adalah sebuah projek yang dilaksanakan oleh ke-



Mukhriz Mahathir

menterian Persekutuan dengan peruntukan keseluruhan kira-kira RM1.2 bilion membabitkan tiga kawasan di Sungai Muda, Sungai Kedah/Anak Bukit dan Sungai Kerian.

Dalam perkembangan lain, Mukhriz berkata, kerajaan negeri sedang melaksanakan program advokasi meminta penduduk yang menanam pokok ketum termasuk yang mengusahakannya dalam skala ladang supaya bertukar kepada tanaman lain.

Beliau berkata, ia bagi mengelakkan mereka menghadapi masalah jika tanaman itu dimasukkan dalam senarai Akta Dadah Berbahaya 1952 berbanding Akta Racun 1952 pada masa ini.

“Sebelum rang undang-undang baharu yang memindahkan penanaman ketum daripada Akta Racun 1952 kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 diluluskan di Parlimen, kita mahu pengusaha pokok ketum supaya menukar tanaman mereka,” katanya.